

17 OCT 2003

OIC-Rangkuman/I

MAHATHIR BIDAS CUBAAN BARAT KUASAI UMMAH

Oleh: Shakir Husain

PUTRAJAYA, 18 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada akhir persidangan bersejarah pemimpin-pemimpin Islam, mengecam hebat negara-negara Barat yang terus berusaha menguasai 1.3 bilion umat Islam.

Dr Mahathir menyerang balik pihak yang mengkritik ucapan perasmianya pada Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) ke-10 di mana beliau dituduh anti-Yahudi kerana mengatakan kaum Yahudi menguasai dunia dengan menggunakan proksi secara menguasai negara-negara kuasa besar Barat.

Ucapannya mendapat kecaman dari Israel, Australia, Eropah dan Amerika Syarikat.

Bercakap pada sidang media selepas mempengerusikan majlis penutup persidangan yang dihadiri pemimpin dan wakil 57 negara anggota OIC di pusat pentadbiran baru persekutuan, Putrajaya, malam tadi, Dr Mahathir bertanya:

"Tidakkah kita dibenarkan membuat kritikan terhadap kaum Yahudi jika mereka berbuat salah?"

Beliau berkata Israel melakukan keganasan di Palestin dengan mengamalkan dasar memusnahkan kediaman dan membunuh banyak orang sebagai membalas dendam terhadap serangan pejuang Palestin ke atas Israel.

Dr Mahathir menyalahkan Eropah (penindasan terhadap Yahudi di Eropah) yang membawa kepada penubuhan negara Israel kerana sebelum kewujudan negara itu, umat Islam dan Yahudi hidup secara aman.

Katanya kebanyakan pemimpin Barat bersikap berat sebelah terhadap umat Islam dan mahu menjajah mereka semula.

"Kebanyakan mereka berat sebelah. Bukan semua tetapi kebanyakan mereka. Dan mereka merasakan tidak mengapa mengkritik orang Islam dan Arab tetapi menjadi kesalahan untuk mengkritik orang Eropah dan Yahudi.

"Nampaknya mereka fikir mereka istimewa, tetapi kita tidak fikir begitu," katanya.

Perdana Menteri berkata walaupun zaman penjajahan mungkin sudah berakhir, kuasa-kuasa bekas penjajah telah melakukan cara baru, secara langsung dan tidak langsung untuk meluaskan pengaruh.

Sidang kemuncak yang bertemakan "Ilmu Pengetahuan dan Akhlak Asas Kemajuan Ummah" itu telah mengeluarkan satu pernyataan yang menegaskan sokongan kepada rakyat Palestin yang berada di bawah pendudukan tentera Israel.

Mereka menyatakan sokongan padu terhadap Syria dan Lubnan yang menghadapi tindakan keganasan Israel dan mengecam Akta Akauntabiliti Syria dan Kedaulatan Lubnan, Kongres Amerika untuk mengenakan sekatan unilateral terhadap Syria.

Sidang kemuncak itu turut menerima Deklarasi Putrajaya yang menggariskan hala tuju baru bagi dunia Islam.

Kerjasama erat dalam bidang ekonomi, perdagangan, sains dan teknologi adalah antara ikrar yang dibuat oleh para pemimpin OIC itu.

Pemimpin-pemimpin bertekad untuk menyusun semula struktur dan menggerakkan OIC agar selaras dengan zaman moden demi kebaikan ummah.

Perdana Menteri yang akan bersara akhir bulan ini, menerima anugerah penghargaan daripada OIC sebagai pengiktirafan atas sumbangan cemerlang, substantif dan efektif kepada umat Islam.

Malaysia akan menerajui OIC bagi tiga tahun akan datang sehingga sidang kemuncak berikutnya di Senegal pada 2006.

-- BERNAMA

SKH AZZ JK RHM MOZ AZH RON